

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM PERSATUAN BEKAS PENUNTUT SEKOLAH
TUANKU ABDUL RAHMAN, IPOH (STAROBA)
DI KL HILTON
4 JUN 1999

Saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Bekas Penuntut Sekolah Tuanku Abdul Rahman atau ringkasnya STAROBA, atas kesudian menjemput saya dan isteri untuk bersama sebagai tetamu kehormat di majlis makan malamnya yang bertema "Di Sini Kita Bermula"

2. Saya percaya majlis ini merupakan suatu yang istimewa kepada bekas penuntut STAR, terutama mereka yang berada di sini pada malam ini. Ini kerana di sini mereka dapat bertemu kembali rakan-rakan yang pernah bersama ketika belajar di STAR dahulu, termasuk mereka yang menjadi angkatan perintis pada tahun 1957. Walaupun mereka berada di merata tempat di negara ini, namun ia tidak menjadi alasan kepada mereka untuk tidak bertemu kembali bersama-sama pada majlis ini. Sudah tentulah banyak kenangan yang ingin diceritakan kembali, banyak peristiwa yang ingin dikongsi bersama dan pelbagai kelucuan yang mampu diingati kembali. Saya percaya keadaan sebegini akan berterusan sampai bila-bila. Inilah yang istimewa tentang bekas penuntut STAR ini.

3. Ramai bekas penuntut STAR yang telah berjaya dalam bidang yang mereka ceburi, dan ramai pula yang berada pada kedudukan yang membanggakan. Ini bermakna mereka turut memainkan peranan dalam arus pembangunan dan pemodenan negara, mengikut bidang dan kepakaran masing-masing. Ini juga bermakna kemampuan dan keupayaan anak-anak kelahiran STAR yang hampir keseluruhannya terdiri daripada anak-anak melayu adalah sesuatu yang tidak boleh dipertikaikan.

4. Saya berbangga dengan pencapaian yang ditunjukkan penuntut STAR. Sejak ditubuhkan pada tahun 1957 lalu, hingga kini STAR berjaya membuktikan bahawa para penuntutnya juga mampu berjaya dalam apa jua bidang yang mereka ceburi. Pada masa yang sama mereka juga berjaya merebut peluang-peluang yang disediakan sama ada oleh pihak kerajaan mahupun swasta, sehingga dapat menampilkan diri dan berada di barisan hadapan dalam sektor masing-masing. Dalam hal ini saya mengucapkan syabas kepada pihak sekolah terutama para pentadbir yang berjaya membentuk dan menghasilkan penuntut yang dianggap terbaik dalam segala segi.

5. Melihat kembali sejarah penubuhan STAR, ia merupakan langkah berani kerajaan untuk melakukan percubaan dalam usaha meningkatkan taraf pendidikan anak-anak melayu, khususnya dari desa dan kampung yang ketika itu amat sukar untuk meneruskan pendidikan mereka. Berdasarkan garis panduan yang dibuat menerusi Penyata Pendidikan Razak, STAR adalah antara tiga buah sekolah terulung yang diwujudkan kerajaan menjelang negara mencapai kemerdekaan, untuk memberi peluang kepada anak-anak melayu dari luar bandar ini meneruskan pelajaran di peringkat menengah. Seterusnya kerajaan mengharapka ia dapat melahirkan lepasan yang bukan sahaja terbaik dalam pencapaian akademiknya, tetapi juga terbaik dalam bidang kokurikulum dan dalam pembentukan ciri-ciri insan berdisiplin, yang bakal menjadi pemimpin negara masa depan.

6. Kerajaan beranggapan dengan cara ini anak-anak melayu yang sebelumnya sukar untuk meneruskan pelajaran di peringkat menengah, berpeluang mendapatkan ilmu pengetahuan seperti mereka dari bandar. Inilah cita, matlamat, harapan dan tujuan sebenar penubuhan STAR berserta Sekolah Dato' Abdul Razak di Tanjung Malim dan Sekolah Tun Fatimah di Johor bahru sebagai tiga sekolah berasrama penuh terawal di negara ini.

7. Kerajaan juga berpendapat dengan cara menempatkan mereka di sekolah yang terletak di kawasan bandar yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, akan menjadi dorongan dan galakan kepada mereka untuk mengejar ilmu dengan lebih sempurna, serta membantu melatih diri dalam pembentukan peribadi yang terbaik dalam segala aspeknya. Begitu juga dengan guru-guru yang ditugaskan di sini, adalah daripada mereka yang terlatih.

8. Bagi mereka yang terpilih ke STAR atau SDAR atau STF sudah tentu mempergunakan peluang yang diberikan itu dengan sebaik mungkin. Mereka sedar dan tahu peranan yang harus mereka mainkan dan tanggungjawab yang terletak di bahu mereka. Di pihak kerajaan pula, kejayaan yang ditunjukkan oleh penuntut ini akan menjadi kayu pengukur terhadap tercapai atau tidak matlamat penubuhan sekolah-sekolah berasrama penuh ini. Jika berjaya akan memberi keyakinan kepada kerajaan untuk mewujudkan sekolah yang berkonsepkan demikian, tetapi jika gagal mungkin akan memaksa kerajaan mengkaji semula terhadap kewujudan sekolah ini.

9. Walau bagaimanapun prestasi yang ditunjukkan oleh para penuntut di sekolah-sekolah ini amat membanggakan. Ini terbukti apabila pada setiap peperiksaan kerajaan seperti SRP (PMR kini), SPM atau STPM diumumkan, pencapaian yang diperolehi penuntut-penuntut ini amatlah membanggakan. Selain memperolehi keputusan keseluruhan terbaik, pencapaian mengikut individu juga membanggakan. Sehingga ada pihak yang berpendapat bahawa `orang tidak akan mempersoalkan jika sekolah seperti STAR memperolehi keputusan 100 peratus dalam apa jua peperiksaan yang diadakan, tetapi orang akan mempersoalkan jika sekolah ini tidak memperolehi keputusan 100 peratus.

10. Kejayaan yang dicapai STAR dan sekolah-sekolah berasrama penuh yang lain memberi keyakinan kepada kerajaan untuk terus menyediakan prasarana pendidikan sedemikian di negara ini. Penubuhan sekolah menengah sains dan maktab rendah sains mara merupakan lanjutan daripada kejayaan sekolah berasrama penuh yang pada mulanya dianggap `percubaan' itu.

11. Selain itu ramai pula lepasan sekolah- sekolah ini yang dihantar melanjutkan pelajaran ke luar negara, dan mereka ini telah pulang dengan ijazah serta kelulusan dalam pelbagai bidang pengajian. Dan yang jelas kini terdapat lepasan sekolah-sekolah ini yang berkhidmat dalam pelbagai sektor, sehingga ada yang berkedudukan di barisan hadapan sektor yang mereka ceburi.

12. Kejayaan yang dicapai itu adalah sesuatu yang membanggakan semua pihak. Kini semua pihak seharusnya berpuas hati kerana bukan sahaja bilangan anak-anak melayu dan bumiputera meningkat dari segi jumlahnya, tetapi yang istimewa ialah meningkatnya jumlah cendekiawan, pakar dan tenaga mahir dalam pelbagai bidang, yang amat diperlukan negara, terutama dalam mengejar wawasan 2020.

13. Di samping menyediakan keperluan asas dalam bidang pendidikan, kerajaan berusaha pula meningkatkan tahap pendidikan negara dengan memberi tumpuan pula kepada teknologi terkini, terutama teknologi maklumat. Ini penting kerana menerusi penggunaan teknologi maklumat ini akan mempercepatkan usaha kerajaan dalam membentuk masyarakat berinformasi dalam segala bidang. Kecekapan dan ketinggian kepakaran dalam aspek ini disertakan pula dengan komitmen yang ditunjukkan rakyat, akan menjadi pemangkin kepada usaha kerajaan dalam mewujudkan negara bermaklumat berlandaskan pemodenan dan perindustrian.

14. Tumpuan kementerian pendidikan kini ialah untuk melahirkan suasana baru di sekolah-sekolah dengan menumpukan perhatian pada penggunaan komputer dan teknologi maklumat ini. Ini bermakna pelajar yang mendapat latihan dan pendidikan dalam bidang ini akan digunakan untuk menggerakkan dalam mempersiapkan rakyat dan kemampuan negara untuk menerima dan menggunakan teknologi elektronik selaras dengan pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC). 15. Kerajaan juga akan berganding bahu bersama mana- mana pihak yang berminat dan berhasrat untuk menggerakkan arus pembangunan negara dengan menggabungkan kepakaran dan kemudahan walaupun melibatkan perbelanjaan yang besar. Pembentukan majlis teknologi maklumat negara juga menunjukkan betapa seriusnya perhatian yang diberikan kerajaan dalam aspek ini. Menerusi sekolah pula kerajaan mengharapkan tahap kemahiran dan kepakaran pelajarnya dapat dijadikan penggerak dan pemandu ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang celik I.T.

16. Saya percaya sekolah-sekolah seperti STAR boleh dijadikan penggerak utama dalam usaha kerajaan untuk membentuk negara Malaysia yang berlandaskan msc. Dalam hal ini bekas penuntut yang berjaya boleh menyumbangkan tenaga dan bekerjasama dengan kerajaan, termasuk dalam menyediakan kemudahan dan peralatan yang diperlukan oleh pelajar-pelajar. Saya dimaklumkan ramai bekas penuntut STAR yang terlibat dalam bidang teknologi maklumat.

17. Maka saya berpendapat kinilah masanya untuk bekas penuntut STAR menyahut cabaran kerajaan untuk melibatkan diri dalam apa juga bentuk demi membantu kerajaan dalam usaha menjadikan negara ini negara I.T. kerajaan mengalu-alukan apa juga sumbangan dan kepakaran yang bersesuaian.

Tuan-tuan dan puan-puan,

18. Saya telah sebutkan tentang kejayaan STAR, kejayaan kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan untuk anak-anak kita belajar sehingga membolehkan mereka berjaya dalam masing-masing bidang, saya kira sudah tiba masanya mereka pula menyumbangkan bakti mereka kepada bangsa, agama dan negaranya. Perbuatan menggigit jari orang yang telah banyak berjasa kepada kita adalah satu perbuatan yang amat tidak baik dan akan merugikan diri kita. Ini tanda- tandanya orang yang tidak bersyukur. Memanglah negara ini mengamalkan demokrasi dan masing-masing pihak berhak untuk bersuara tetapi gunakanlah hak itu dengan kritikan yang positif yang membawa manfaat. Oleh itu saya ingin mengajak rakyat supaya bersyukur serta menghargai sesuatu kurniaan itu dan tidak mensia-siakan atau membazirkan apa yang telah kita terima. Saya sentuh perkara ini kerana akhir-akhir ini sudah ada kecenderungan pada segolongan mereka yang tidak mahu lagi menghargai sumbangan yang telah ditaburkan oleh kerajaan sebaliknya menggunakan kesempatan dan kedudukan mereka dalam masyarakat dengan menabur fitnah dan memburuk-burukkan kerajaan, negara dan kepimpinannya.

19. Alangkah rugi jika ada di antara kita yang tidak tahu mensyukuri nikmat yang telah kita rasai sebaliknya berusaha memburukkan negara sendiri dan kepimpinannya. Ini adalah satu perbuatan yang sia-sia dan boleh merobohkan peradaban yang telah kita bina selama ini. Di sini saya ingin mengajak saudara/ saudari supaya membuktikan penghargaan terhadap nikmat yang telah diterima dengan kesanggupan bekerja lebih kuat lagi dan terus memberi sokongan kepada kerajaan dalam usahanya untuk memulihkan ekonomi negara. Dengan melakukan perkara ini yang saya anggap tidak begitu berat, kita sebenarnya telah membuat satu pengorbanan besar untuk bangsa dan nusa.

20. Kejayaan yang telah kita bina selama kita mencapai kemerdekaan bukanlah mudah. Banyak pengorbanan yang telah dilakukan oleh mereka yang terdahulu daripada kita demi untuk dinikmati oleh anak cucu kita, termasuklah kita yang ada dalam dewan ini. Oleh itu, janganlah khianati pengorbanan dan perjuangan mereka dan hargai sumbangan mereka sebagai tanda syukur kita dengan nikmat yang telah kita rasai hari ini. Pupuklah kesedaran dan bangkitkanlah semangat rakyat supaya kasihkan negara. Saya bimbang jika semangat cintakan tanah air tidak sentiasa dipupuk, negara ini akan menjadi lemah dan akan menjadi bangsa yang dikuasai oleh orang-orang yang berkepentingan. Jika ini berlaku ia adalah amat malang yang boleh membawa kehancuran kepada negara. Sejarah dan peristiwa semasa jelas menunjukkan bahawa negara yang pemimpin dan rakyatnya mementingkan diri sendiri akan menjadi sebuah negara yang lemah dan tanda-tanda akan menuju kehancuran.

21. Kerajaan barisan nasional akan terus memberi keutamaan kepada rakyat dan memberi keadilan pada semua untuk mengecapi kemakmuran serta memberi sebanyak peluang yang wujud di negara ini. Bn akan terus memperjuangkan dan menegakkan prinsip-prinsip ini demi kepentingan dan amanah yang telah dipertanggungjawabkan oleh rakyat. Kita akan terus mengamalkan kepimpinan yang terbuka dan saya memberi jaminan tiada siapa yang akan teraniaya selagi bn berkuasa dan diberi mandat untuk berkuasa. Oleh itu, saya ingin menyeru rakyat supaya terus memberi sokongan pada kerajaan kerana dengan sokongan yang berterusan kerajaan di bawah bn boleh terus menumpukan perhatian untuk memulihkan ekonomi dan meneruskan pembangunan negara serta menghapuskan jurang kemiskinan di negara ini.

22. Saya juga difahamkan bahawa majlis ini bertujuan untuk membantu STAROBA dalam usaha memungut derma bagi mengisi tabung bangunannya. Oleh itu saya berharap semua pihak dapat menghulurkan sumbangan bagi mencapai tujuan persatuan ini untuk mewujudkan bangunannya.

23. Akhir sekali saya mengucapkan syabas kepada jawatankuasa penganjur malam di sini kita bermula ini yang telah berjaya menjadikan majlis ini suatu yang istimewa dan bermakna, bukan sahaja kepada semua bekas penuntut STAR, tetapi juga kepada saya yang bukan daripada STAR. Terima kasih juga kepada mereka yang memberi sumbangan dan semoga majlis ini tercapai apa yang dihasratkan mengikut tema yang dipilih. Saya berharap di sini kita bermula dan bukan di sini pula kita berakhir. Semoga kita akan dapat meneruskan perjuangan untuk membela bangsa, agama dan negara.

Terima kasih